

19 FEB 1999

Sabah-Konfrontasi

SIKAP KONFRONTASI RUGIKAN PEMBANGUNAN SABAH

KENINGAU, 19 Feb (Bernama) -- Rakyat Sabah diminta menolak sikap berkonfrontasi dengan pemimpin Kerajaan Persekutuan dan sebaliknya mengamalkan hubungan akrab supaya pelaksanaan program pembangunan dapat diteruskan di negeri itu bagi kepentingan bersama.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup berkata, sikap negatif itu termasuk menentang kerajaan pusat dan memencilkan diri yang pernah diamalkan oleh pembangkang terbukti hanya merugikan Sabah apabila negeri itu ketinggalan daripada segi pembangunan.

"Jika kita asyik berkonfrontasi dengan orang lain, orang tidak akan datang menolong kita dan rakyat tidak akan menyokong kita malahan bosan dengan sikap kita yang suka menentang dan memencilkan diri," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Masyarakat Keningau di sini, hari ini.

Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) berkata sebaliknya sejak kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah Sabah, berlaku perubahan apabila terjalin semula hubungan akrab antara pemimpin pusat dan negeri bagi membangunkan negeri itu.

Beliau turut kesal dengan segelintir pihak yang mempertikaikan keikhlasan kunjungan Dr Mahathir dan pemimpin pusat ke Sabah kononnya bertujuan merampas kuasa dan hak rakyat negeri itu

Berdasarkan pelbagai projek pembangunan dan kemajuan yang telah dibawa oleh BN di Sabah walaupun semasa negara menghadapi kegawatan ekonomi, sewajarnya rakyat Sabah meneruskan sokongan bagi memastikan BN terus menerajui negeri ini.

"Saya secara ikhlas menyeru mereka yang masih bersimpati dengan perjuangan parti pembangkang agar bertindak tanpa ragu-ragu lagi untuk mengubah pendirian dan menyokong kerajaan BN demi menjayakan program pembangunan negeri ini," katanya.

Kurup juga meminta rakyat untuk tidak terpedaya dengan janji yang dibuat oleh parti pembangkang kerana kesemua itu hanyalah untuk kepentingan politik pihak-pihak berkenaan.

Beliau berkata, dakwaan pembangkang bahawa BN gagal membawa pembangunan pesat dalam tempoh seratus hari selepas memenangi pilihan raya negeri yang lepas adalah tidak benar kerana kerajaan telah melaksanakan dasar pembangunan yang berterusan sehingga ke hari ini.

Kurup juga berkata kerajaan BN berjaya menangani dengan cekap isu kehadiran pendatang di negeri ini yang sebelum ini gagal diatasi oleh kerajaan pembangkang, apabila melalui penguatkuasaan pihak berkuasa didapati kehadiran pendatang semakin berkurangan.

-- BERNAMA

RAR PR